

Memori Perjuangan Wanita Tempatan

Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali

Noor Farehah binti Alias

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Emel: nfarehah.uhum10@student.usm.my

Abstrak

Makalah ini mengupas memori perjuangan Dato' Hajjah Khaironnisa Binti Mohd Ali menerusi hasil tinjauan terhadap rekod temubual yang dilaksanakan. Dato' Hajjah Khaironnisa merupakan salah seorang tokoh wanita terawal di Pulau Pinang yang berani membentuk peranan wanita di tengah-tengah masyarakat seawal umur 13 tahun. Berbeza dengan kanak-kanak perempuan yang lain, beliau amat bertuah kerana dibesarkan dalam keluarga yang sangat menitikberatkan aspek pendidikan termasuk anak-anak perempuan. Sikap progresif keluarganya ini telah memberi ruang kepada beliau mengikuti pendidikan awal di Sekolah Melayu Jelutong pada tahun 1940 dan kemudiannya di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri pada tahun 1946. Peluang pendidikan yang diberi digunakan sebaik mungkin oleh beliau untuk memajukan potensi diri di samping meningkatkan taraf hidup keluarga. Tambahan pula di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri pada ketika itu sedang berlaku suatu gerakan pembaharuan untuk memartabatkan golongan wanita. Jadi di sinilah beliau mula disuntik dengan idea-idea pembaharuan yang menjadi teras perjuangan golongan *Al-Manar*. Menerusi kurikulum yang disediakan, beliau diasuh dan dilatih untuk berperanan sebagai ‘wanita baharu’ sebagai persediaan mengisi kekosongan peranan wanita dalam masyarakat yang sebelum ini dimonopoli sepenuhnya oleh kaum lelaki. Kemuncak perjuangan Dato' Hajjah Khaironnisa di Pulau Pinang boleh dilihat menerusi penglibatan beliau dalam bidang politik, pendidikan, persuratan, keagamaan dan pertubuhan sukarelawan. Pembabitan beliau yang menyeluruh dalam pelbagai bidang ini merupakan satu perubahan nilai tradisi yang besar dalam masyarakat Melayu Pulau Pinang pada masa itu dan menjadi pembuka jalan kepada golongan wanita keluar dari kepompong yang dikhaskan sejak berabad-abad lalu.

Kata Kunci: Dato' Hajjah Khaironnisa Binti Mohd Ali, perjuangan wanita, emansipasi, wanita baharu.

Pendahuluan

Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali dilahirkan pada 10 Oktober 1933 di Lebuh Melaka, George Town. Beliau merupakan anak bongsu daripada enam orang adik-beradik. Bapanya telah meninggal dunia sewaktu beliau berumur enam tahun. Walaupun membesar tanpa kasih sayang daripada bapanya, Ustazah Khaironnisa amat bertuah kerana ibunya, Asmah binti Mohd Nordin mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap peri pentingnya pendidikan dalam

kalangan kalangan anak-anaknya samada lelaki atau perempuan.¹ Kesedaran keluarganya ini membolehkan beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Jelutong seawal umur tujuh tahun. Namun, belum sempat beliau menamatkan pengajiannya di sekolah ini, Jepun telah menguasai Tanah Melayu, termasuk Pulau Pinang pada tahun 1942.

Meskipun pendudukan Tentera Jepun sering dikaitkan dengan kekejaman namun dari aspek pendidikan, Jepun memberlakukan sesi persekolahan di Sekolah Melayu Jelutong diteruskan walaupun sistem pengajaran dan pembelajarannya telah ditukar ke dalam bahasa Jepun.² Ketika inilah Ustazah Khaironnisa berpeluang mempelajari bahasa Jepun. Selain daripada pembelajaran kurikulum Jepun di Sekolah Melayu Jelutong pada waktu pagi, Ustazah Khaironnisa menegaskan beliau yang cintakan ilmu pengetahuan turut mengikuti kelas agama di Jelutong yang dikendalikan oleh Ustazah Shaharom binti Shaikh Mohammad pada waktu petang.³ Sejak itu beliau mula didedahkan dengan pendidikan asas agama Islam.

Tindakan Tentera Jepun mewujudkan Jabatan Agama turut memberi ruang kepada Ustazah Khaironnisa menjadi guru al-Quran di Sekolah Dato' Keramat di samping turut berkesempatan mengendalikan sebuah rancangan agama di sebuah stesen radio yang terletak di Bangunan Chinese Recreation Club (CRC), Jalan Burma pada setiap hari Jumaat.⁴ Peluang yang diberikan oleh Tentera Jepun digunakan sebaik mungkin oleh Ustazah Khaironnisa sehingga beliau berjaya keluar daripada kongkongan ruang rumah tangga bagi memenuhi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan oleh kaum lelaki yang dikerah menjadi tentera menjelang akhir tahun 1943.⁵

Selepas pengunduran Tentera Jepun pada Ogos 1945, Ustazah Khaironnisa meneruskan pengajiannya di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri pada tahun 1946 yang terletak di Jalan Lunas. Menerusi reformasi pendidikan yang dilaksanakan oleh Shaikh Abbas Bakar Rafie, Ustazah Khaironnisa diasuh dan dilatih untuk berperanan sebagai ‘wanita baharu’ yang boleh menceburi pelbagai bidang ilmu, berani keluar untuk terlibat dalam pelbagai kegiatan dan memberi sumbangan yang amat signifikan kepada masyarakat umum. Walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran, namun beliau tetap tabah menggalas

¹Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian I), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 24 Februari 2014.

²Menurut catatan Kapten Baba Ahmed bin J.P yang bertarikh 23 April 1942, Pentadbiran Tentera Jepun telah mengeluarkan notis rasmi kerajaan mengumumkan pembukaan semula 25 buah Sekolah Rendah Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Prai pada 29 April 1942. Ahmed Meah Baba Ahmad, *Penaklukan Jepun: Suka Duka di Georgetown*, (Kuala Lumpur: Media Indah Sdn. Bhd., 1992), hlm. 51.

³Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian I), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 24 Februari 2014; Badriyah Haji Salleh, “Ustazah Khaironnisa Mohd Ali”, dalam Badriyah Haji Salleh (peny.), *Perkembangan Pengaruh Islam Di Pulau Pinang*, Jil. 3, (Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam, 1997), hlm. 74.

⁴Sewaktu pendudukan Jepun, Ustazah Khadijah binti Syeikh Salleh dibenar mengendalikan rancangan membaca al-Quran pada setiap pagi hari Jumaat di stesen radio yang terletak di Bangunan Chinese Recreation Club(CRC), Jalan Burma. Walau bagaimanapun, sekiranya Ustazah Khadijah mengalami keuzuran, Ustazah Khadijah akan menjemput Ustazah Khaironnisa untuk menggantikan tugas beliau di stesen radio tersebut.

⁵Lenore Manderson, “The Development and Education of Female Education in Peninsular Malaysia”, *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 51 (2), 1978, hlm. 106-111; Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, (Singapore: Oxford University Press, 1987), hlm. 27.

tanggungjawab tersebut dengan penuh yakin dan amanah. Mengenai perkara ini, Ustazah Khaironnisa mengimbau kembali nasihat Shaikh Abbas Bakar Rafie kepada beliau yang menegaskan;

“Kamu kena tahan. Suatu masa kamu akan jadi orang besar. Kamu akan dapat jadi pemimpin kaum sendiri. Lagi banyak cubaan yang kena hadapi”.⁶

Nasihat Shaikh Abbas Bakar Rafie ini kemudiannya menjadi pembakar semangat dan pendorong kepada beliau menempuh apa juga rintangan sehingga berjaya menjadi tokoh wanita dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang sehingga ke hari ini.

Bidang Politik

Penglibatan Ustazah Khaironnisa dalam bidang politik tanah air bermula semasa berumur 13 tahun, apabila beliau dipilih mewakili pelajar-pelajar sekolah seluruh Negeri Pulau Pinang untuk berucap melahirkan perasaan menentang penubuhan *Malayan Union* dalam satu perhimpunan yang diadakan di Padang Francis Light ketika lawatan Dato' Onn bin Jaafar pada tahun 1946. Pemilihan beliau ini adalah disebabkan oleh kepetahan dan kelantangan beliau menyampaikan syarahan di madrasah.⁷ Ini kerana pengalaman latihan syarahan dan perbahasan di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri telah mengasah ketajaman fikiran dan memberi keyakinan kepada beliau untuk terus mengilap bakat dalam bidang politik. Lebih-lebih lagi dalam tempoh 1940-an tidak ramai kanak-kanak perempuan di Pulau Pinang berani menampilkkan diri menyampaikan ceramah di khalayak ramai.

Sejurus selepas pengucapannya di Padang Francis Light, Ustazah Khaironnisa mula menjadi tumpuan ahli-ahli politik Pulau Pinang terutamanya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang sedang berusaha menuju cawangannya di setiap negeri. Dengan kebenaran Ustaz Shaikh Hussein selaku Guru Besar, Ustazah Khaironnisa yang ditemani oleh Kaum Ibu UMNO seperti Hajjah Hussein Bee binti Che Din giat berkempen menyeru orang Melayu menyertai UMNO dalam perhimpunan-perhimpunan yang diadakan oleh Jabatan Penerangan Negeri Pulau Pinang di padang-padang lapang di merata ceruk kampung sekitar Pulau Pinang selepas sesi tayangan gambar ditayangkan. Misalnya, Ustazah Khaironnisa pernah menyampaikan ucapan di rumah Master Bashah Merican di Kampung Baru, rumah Tuan Haji Rifai' di Bayan Lepas, dan beberapa kawasan lain seperti Cawangan Teluk Tempoyak dan Cawangan Balik Pulau.⁸

Pada tahun 1949 sewaktu berumur 16 tahun nama beliau telah didaftarkan menjadi ahli UMNO Cawangan Jelutong. Dalam tempoh ini, Jawatankuasa Tertinggi UMNO Cawangan Jelutong terdiri daripada Syarifah Zainah binti Almashoor selaku Pengerusi, Cik

⁶Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian I), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 24 Februari 2014.

⁷Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Tokoh Pulau Pinang: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali*, (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Malaysiana dan Arkib, Perpustakaan Hamzah Sendut), 19 Disember 2008.

⁸Catatan Ringkas Biodata Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali, (Ihsan Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali).

Bah binti Che Mat selaku Naib Pengerusi dan Syarifah Rahmah binti Al-Hadi selaku Setiausaha.⁹ Dengan bakat kepimpinan yang ditunjukkan, Ustazah Khaironnisa dilantik menyandang jawatan Penolong Setiausaha bagi membantu mereka menyediakan minit mesyuarat dan juga laporan bagi setiap aktiviti yang dijalankan. Hal ini demikian kerana dalam tempoh ini kebanyakan kaum wanita belum didedahkan dengan prosedur-prosedur kerja bahkan ramai di antara mereka tidak pandai menulis dan membaca. Di sinilah beliau mula terdedah kepada perbincangan-perbincangan politik sebenar terutama berkenaan dengan gerak kerja pertubuhan UMNO.

Sejak itu, ketokohan Ustazah Khaironnisa mula diketengahkan apabila beliau sering dibawa oleh Jawatankuasa Tertinggi UMNO Cawangan Jelutong ke Mesyuarat Agung UMNO yang diadakan di Seberang Perai. Berhubung dengan siapa pendorongnya, Ustazah Khaironnisa mengulas;

“Kalau bapa memang daripada kecil dia tidak ada [meninggal dunia].

Emak saya pun tidak kata pada saya suruh pergi campur. Tapi kuat tuntunan daripada mak cik-mak cik. Mereka tidak cemburu. Mereka memang sudah jadi *big bos* dalam UMNO, tetapi mereka memerlukan saya dengan senang hati tidak ada cemburu. Mereka bawa saya ke sana ke sini, sanggup ambil dan hantar”.¹⁰

Oleh kerana kepetahan Ustazah Khaironnisa, beliau dijemput berucap dalam perhimpunan menurunkan bendera *Union Jack* di hadapan bangunan UMNO, Jalan Macalister, Pulau Pinang pada malam 31 Ogos 1957. Bersama-sama beliau yang berucap pada malam itu ialah Tuan Syed Hassan Aidid selaku Ketua Bahagian UMNO Pulau Pinang dan Che Dasimah Dasir sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO Pulau Pinang.¹¹ Kewibawaan beliau menambat keyakinan ahli-ahli UMNO sehingga beliau diberi kepercayaan menjadi Naib Ketua Wanita UMNO Cawangan Balik Pulau dari tahun 1963 hingga 1968 dan Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian Pulau Pinang dari tahun 1969 hingga 1971. Selepas itu, beliau menjadi Ketua Wanita UMNO Cawangan Jelutong dari tahun 1969 hingga 1972. Ketika inilah beliau mula mengatur pelbagai kegiatan yang bercorak kewanitaan sebagaimana diakui oleh Ustazah Khaironnisa;

“Kegiatan lain kita buat ialah jualan makanan. Kita buat pertandingan memasak, buat kuih, buat lauk, lipat kain apa semua. Semua saya buat apa yang jadi kegemaran wanita”.¹²

⁹Catatan Ringkas Biodata Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali, (Ihsan Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali); Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian II), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 17 Mac 2014.

¹⁰Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian II), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 17 Mac 2014.

¹¹Catatan Ringkas Biodata Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali, (Ihsan Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali).

¹²Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian II), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 17 Mac 2014.

Tujuannya antara lain adalah untuk memajukan kaum wanita di samping menarik minat golongan ini menyertai UMNO. Dari tahun 1971 hingga 1973, Ustazah Khaironnisa dipilih menyandang jawatan Naib Ketua Wanita UMNO Bahagian Pulau Pinang. Kemudian, pada tahun 1973 hingga 2006, beliau dilantik menjadi Ketua Wanita UMNO Cawangan Kampung Manggis.¹³ Seterusnya dalam tempoh 1974 hingga 1976, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Tetap Wanita UMNO Bahagian Tanjung.

Kewibawaan Ustazah Khaironnisa sebagai tokoh wanita pada masa itu tidak dapat dipertikaikan. Selain daripada memegang jawatan sebagai Pengerusi Tetap Wanita UMNO Bahagian Tanjung, beliau juga dilantik sebagai Jawatankuasa Biro Agama Wanita UMNO Malaysia dan Pegawai Penerangan Khas UMNO Malaysia pada tahun 1980.¹⁴ Sepanjang kepimpinannya sebagai Pegawai Penerangan Khas UMNO Malaysia, Ustazah Khaironnisa menjelajahi segenap ceruk kampung dengan tidak mengenal erti penat lelah bagi menerangkan perjuangan parti. Beliau juga banyak ke luar negeri di sekitar Semenanjung Tanah Melayu untuk meramaikan ahli UMNO dari kalangan wanita. Untuk tujuan ini, beliau pernah tinggal di Kedah dan Perak selama beberapa bulan. Mengimbau kembali suasana kesibukan semasa pilihanraya, menurut beliau;

“Yang banyak saya terlibat dengan syarahan-syarahan ini sebelah Kedah dan sebelah Perak semasa musim pilihanraya. Musim pilihanraya sama ada pilihanraya umum ataupun pilihanraya kecil, kami tidak ada di rumah. Mestilah ada di Kedah paling banyak. Pada masa itu Ketua Menteri di Kedah, nama Sanusi Junid. Dia jemput kami dengan seorang lagi kawan dia nama Raja Arifin bawa kami seluruh Kedah untuk berkempen berbulan-bulan”.¹⁵

Dalam pada itu, pada tahun 1980 beliau turut dipilih menjadi Ketua Wanita UMNO Bahagian Tanjung sehingga tahun 1982.¹⁶ Sifat kepimpinannya ini banyak dibentuk hasil daripada pengaruh sistem kurikulum di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri. Menerusi latihan syarahan terutamanya bakat-bakat terpendam Ustazah Khaironnisa dikeluarkan, dilatih dan digunakan sehingga beliau menjadi wanita yang serba boleh dari aspek pemikiran yang bernas, rohani yang bersih dan akhlak yang terpuji. Latihan ini meninggalkan kesan yang cukup mendalam sehingga beliau berupaya menerajui pucuk pimpinan wanita UMNO di samping mengendalikan pelbagai aktiviti dalam pertubuhan. Menurut beliau, menerusi aktiviti inilah dorongan dan semangat untuk maju dipupuk sehingga menjadi asas pembabitan kepada beliau untuk terlibat dalam pelbagai bidang sehingga ke hari ini.

¹³Kampung Manggis terletak di kawasan Lorong Selamat, Jalan Macalister, Pulau Pinang. Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian II), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 17 Mac 2014.

¹⁴Catatan Ringkas Biodata Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali, (Ihsan Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali).

¹⁵Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian II), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 17 Mac 2014.

¹⁶Catatan Ringkas Biodata Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali, (Ihsan Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali).

Seterusnya beliau diamanahkan menyandang jawatan Ketua Penaja Wanita UMNO Baru Bahagian Tanjung dari tahun 1988 hingga 1989 dan Ketua Wanita UMNO Bahagian Tanjung dari tahun 1988 hingga 1991.¹⁷ Pada tahun 1992 hingga 2006, Ustazah Khaironnisa dilantik menjadi Jawatankuasa dan Pengerusi Biro Agama Wanita UMNO Bahagian Tanjung. Ustazah Khaironnisa mengulas, kesemua jawatan ini tidak menjadi rebutan kerana kaum wanita pada masa itu umumnya sangat malu untuk menonjolkan diri memimpin, sebaliknya mereka lebih rela bekerja keras di belakang tabir untuk kemajuan parti. Tambahan pula tidak ramai wanita yang berpelajaran tinggi dan sanggup menguruskan pentadbiran bagi setiap pertubuhan berikutan pelbagai kekangan. Berkennaan penglibatan wanita Melayu dalam bidang politik, Ustazah Khaironnisa berkongsi cerita berikut;

“Pada masa itu, semuanya tidak mahu. Tidak ada yang pergi melobi dan tidak ada yang pergi cari penyokong yang mahu *support* kita. Dalam majlis, sekiranya mencadang seseorang, semuanya akan kata, “Jangan...jangan...”. Kelompok-kelompok ini tidak mahu dan mahu tolak jawatan yang diberikan. Tidak ada mahu rebut-rebut. Itu peringkat 70-an. 60-an, 70-an macam itulah. Tidak ada rebutan”.¹⁸

Oleh hal demikian, ketokohan Ustazah Khaironnisa cukup menjadi tiket kepada Pergerakan Kaum Ibu UMNO memberi mandat sepenuhnya kepada beliau untuk menyandang beberapa jawatan dalam pertubuhan UMNO. Apa yang penting ialah semangat beliau menyumbang kepada pembangunan masyarakat tempatan dengan menjalankan pelbagai pembaharuan termasuk program-program untuk pembangunan wanita itu sendiri. Semestinya zaman kini perkara sebegini sememangnya remeh kerana negara sudah maju tetapi di zaman baru merdeka tugas ini amatlah berat dan mencabar apatah lagi bagi golongan wanita.

Bidang Pendidikan

Penglibatan Ustazah Khaironnisa dalam pendidikan bermula sejak di bangku sekolah apabila beliau dan rakan-rakannya dipilih menjadi guru pelatih di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri seawal umur 16 tahun. Oleh kerana terlalu muda, Ustazah Khaironnisa terpaksa berdepan dengan pelajar-pelajar daripada pelbagai peringkat umur. Perbezaan umur yang besar ini menyukarkan tugas pengajaran beliau. Berikut adalah memori beliau berkenaan cabaran yang perlu dihadapinya ketika dilantik menjadi guru pelatih di Madrasah Al-Mashoor;

“Bukan hanya 12, 13 tahun sahaja, 14, 15 tahun pun ada. Kadang-kadang mak janda pun datang juga. Mereka yang di luar-luar kahwin awal, kemudian apabila bercerai-berai, mereka masuk ke Sekolah Al-Mashoor. Pada masa itu sekolah ini terbuka tidak kira umur. Macam

¹⁷Catatan Ringkas Biodata Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali, (Ihsan Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali).

¹⁸Tayangan video berjudul Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Tokoh Pulau Pinang: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali, (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Malaysiana dan Arkib, Perpustakaan Hamzah Sendut), 19 Disember 2008.

mana halnya dengan saya, umur muda daripada mereka, kena kawal mereka semua".¹⁹

Walaupun terpaksa menghadapi masalah berkaitan para pelajar, namun minatnya terhadap bidang pendidikan menjadi sumber motivasi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Khidmatnya yang cemerlang menjadi faktor utama beliau dilantik menjadi Penolong Guru Besar Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri pada tahun 1952 seterusnya Guru Besar pada tahun 1955.²⁰ Semasa menjadi Guru Besar beliau banyak membawa perubahan kepada Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri terutama dari segi semangat perjuangan. Menurut beliau tujuannya hanyalah untuk memperlengkapkan kaum wanita dengan pendidikan dan merebut peluang untuk bergerak seiring dengan kaum lelaki dalam kehidupan awam.

Selepas menamatkan perkhidmatan di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri pada tahun 1960,²¹ beliau dan suami dijemput bertugas di Madrasah An-Nahdoh As-Syuu'ni Ad-Diniah, Titi Teras, Balik Pulau pada tahun 1961. Di madrasah ini, suaminya dilantik menjadi Guru Besar manakala beliau pula dilantik sebagai Penolong Guru Besar. Semasa berkhidmat di sini beliau turut menggembungkan tenaga bersama-sama ahli jawatankuasa mendapatkan dana untuk membeli tanah dan membangunkan sekolah menerusi beberapa jenis aktiviti jualan dan pungutan derma, sebagaimana diceritakan oleh Ustazah Khaironnisa;

"Saya cadangkan setiap penggal puasa cuti sekolah, kita bawa budak dengan saya. Tiap-tiap orang dan peniaga-peniaga di town, kita jual kalender. Seringgit setiap satu. Berapa ribu kami cap, semua jual sampai habis. Letih dalam bulan puasa. Mustahil jual kalender sudah cukup, saya Alhamdulillah kenal dengan hartawan-hartawan di Pulau Pinang yang terdiri daripada orang Arab, orang Melayu kita pun ada, mamak pun ada. Jadi saya pergi minta derma daripada mereka kata mahu beli tanah. Mereka bagilah".²²

Berkat usaha ini, beliau dan suami berjaya membeli tiga bidang tanah untuk pembangunan sekolah semasa menerajui madrasah ini.

Atas rasa tanggungjawab untuk memajukan anak-anak di Kampung Jelutong, Ustazah Khaironnisa dan suaminya kemudiannya berusaha membuka sebuah lagi sekolah, iaitu

¹⁹Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Tokoh Pulau Pinang: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali*, (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Malaysiana dan Arkib, Perpustakaan Hamzah Sendut), 19 Disember 2008.

²⁰Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian I), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 24 Februari 2014; Hajar Abdul Rahim, "Peranan Wanita Jawi Peranakan dalam Pembangunan Masyarakat Satu Tinjauan", dalam Omar Yusoff dan Jamaluddin Aziz (peny.), *Jawi Peranakan di Pulau Pinang Ekspresi Sebuah Identiti*, (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2010), hlm. 108.

²¹Berita Harian, 22 September 1960, hlm 4.

²²Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian II), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 17 Mac 2014.

Madrasah Ad-Diniah Al-Islamiah di Bangunan 405 Jalan Perak, Jelutong.²³ Bangunan madrasah ini asalnya dibina dengan wang kebajikan sosial di atas tapak wakaf Muslim Kwantung yang berhasrat ingin membuka sebuah sekolah agama. Namun perancangan ini tergendala oleh kerana guru yang bertanggungjawab mengajar di sekolah ini mengalami masalah kesihatan. Ustazah Khaironnisa yang melihat kekosongan bangunan ini mula berusaha membukanya semula. Kelengkapan madrasah ini berjaya dipenuhi melalui penganjuran aktiviti bergotong-royong dalam kalangan penduduk di Kampung Jelutong. Suami beliau, YM Raja Mustaffa dilantik menjadi Guru Besar manakala Ustazah Khaironnisa dilantik sebagai Penolong Guru Besar di samping Ustaz Muhammad dilantik menjadi kerani bagi menguruskan kerja-kerja pentadbiran madrasah. Oleh kerana mendapat sambutan yang menggalakkan, dua orang bekas pelajar Madrasah Al-Mashoor dilantik menjadi guru di madrasah ini. Berkat usaha Ustazah Khaironnisa, madrasah ini berjaya menghasilkan beberapa orang pelajar cemerlang yang dilantik menjadi guru agama.

Sesungguhnya, didikan yang diterima oleh beliau semasa menuntut di Madrasah Al-Mashoor bukan setakat bertujuan untuk memajukan diri sendiri tetapi turut mempertingkatkan peranan mereka dalam pembentukan masyarakat yang merdeka. Tambahan pula, pengalaman bertugas di bawah seliaan tokoh-tokoh reformis di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri yang terdedah kepada dunia luar menambahkan lagi keyakinan beliau untuk terus mengasah bakat bagi menerajui bidang pendidikan.

Bidang Persuratan

Dalam bidang persuratan pula, Ustazah Khaironnisa mengakui bahawa latihan karang-mengarang di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri banyak memberi faedah kepada beliau untuk telibat secara serius dalam bidang penulisan. Sejak di bangku sekolah, beliau mula menghantar nukilannya kepada Ketua Pengarang Majalah Madrasah Al-Mashoor Lelaki, YM Raja Mustaffa bin Raja Haji Ahmad untuk diterbitkan dalam majalah *Hiboran*.²⁴ Nama samaran yang digunakan oleh beliau pada ketika ini ialah ‘Rusni Penang’²⁵ dan ‘Dewi

²³Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian I), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 24 Februari 2014; *Catatan Ringkas Biodata Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali*, (Ihsan Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali).

²⁴Majalah ini dipimpin oleh Harun Aminurrashid seorang tokoh nasional, novelis yang mempunyai pandangan positif terhadap penulis wanita. Majalah ini pada awalnya diterbitkan secara sebulan sekali telah dijadikan majalah mingguan dan dikeluarkan setiap hari Sabtu mulai pertengahan tahun 1947 hingga pertengahan tahun 1958. Hasil daripada inisiatif beliau, majalah ini telah memperuntukkan keluaran minggu terakhir setiap bulan sebagai keluaran khas untuk penulis wanita. Mengenai keluaran khas untuk penulis wanita pada setiap hujung bulan itu merupakan salah satu tindakan yang positif yang diambil oleh Harun Aminurrashid untuk menggalakkan wanita mengasah dan mengembangkan bakat. Rosnah Baharudin, *Wacana Wanita Melayu dan Sastera*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), hlm. 57-58.

²⁵Nama pena ‘Rusni Penang’ digunakan bersemepena dengan nama adik angkat beliau, Rusni. Disebabkan Rusni meninggal dunia sewaktu kecil, Ustazah Khaironnisa bertekad menggunakan nama pena ‘Rusni Penang’ dalam penulisannya sejak di Madrasah Al-Mashoor memandangkan Rusni merupakan teman rapatnya semasa kecil. Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian I), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 24 Februari 2014; Badriyah Haji Salleh, “Ustazah Khaironnisa Mohd Ali”, hlm. 80.

Remaja'. Menurut Ustazah Khaironnisa, nama-nama samaran ini hanya akan digunakan dalam penulisan yang bercorak 'protest' seperti mengkritik manakala bagi ruangan penulisan berbentuk agama nama sebenar beliau akan digunakan.²⁶ Oleh kerana ruangan nukilan yang disediakan oleh penerbit adalah terhad, maka hanya rencana yang terpilih sahaja disiarkan. Mengulas tentang hal ini menurut Ustazah Khaironnisa;

"Memang kita berlumba-lumba. Masing-masing berebut hendak lihat majalah. Sama ada, ada atau tidak makalahnya di dalam itu. Berebut sangat. Kita pun macam itu juga....".²⁷

Bertitik tolak daripada penglibatan ini beliau bersama-sama YM Raja Mustaffa bin Raja Haji Ahmad atau lebih dikenali dengan nama pena 'MUSBAHA' menerbitkan sebuah majalah yang bertajuk *Cahaya Pendidikan* pada tahun 1955. Penerbit utama majalah ini ialah A.M.K.S. yang merupakan gabungan daya usaha daripada Ustazah Khaironnisa dan sahabat-sahabatnya seperti Azizah, Mabi, Khairon dan Sawiyah yang pernah mengajar di Madrasah Al-Mashoor. Berbekalkan pengalaman latihan karang-mengarang di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri, mereka tampil menerajui majalah mereka sendiri dengan berkongsi wang untuk membiayai penerbitan majalah ini kerana pada waktu itu tiada penerbit yang sanggup menerbitkan karya seperti itu oleh kerana kurang yakin dengan sambutan di pasaran. Majalah yang diterbitkan oleh A.M.K.S ini merupakan satu majalah yang memberi panduan kepada ibu bapa tentang pendidikan anak-anak,²⁸ sebagaimana yang diulas oleh penerbit;

"Buku kecil ini kami sajikan kepada para pembaca seluruhnya adalah kerana dengan tujuan yang bulat, iaitu menyembahkan sedikit pengetahuan yang menerangkan sedikit sebanyak berkenaan dengan cara-cara mendidik anak-anak kita untuk menjadi pemuda harapan bangsa di masa depan kelak dan menjadi pemudi yang sanggup berjuang bersama-sama kaum lelaki dalam segenap lapisan untuk meningkatkan darjah hidup bangsa kita dan untuk mempertahankan hak-hak kita yang jika kita lambat kita sedari maka akan lenyaplah segala-galanya itu".²⁹

Menerusi majalah ini, Ustazah Khaironnisa yang ditugaskan menulis dalam ruangan bahagian perempuan sentiasa melontar dan mengemukakan pemikiran-pemikiran baru untuk tujuan membangunkan kaum wanita. Dengan demikian, penulisan Ustazah Khaironnisa banyak

²⁶Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Tokoh Pulau Pinang: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali*, (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Malaysiana dan Arkib, Perpustakaan Hamzah Sendut), 19 Disember 2008.

²⁷Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian I), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 24 Februari 2014.

²⁸Badriyah Haji Salleh, "Ustazah Khaironnisa Mohd Ali", hlm. 80; Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian I), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 24 Februari 2014.

²⁹MUSBAHA& Rusni,*Majalah Cahaya Pendidikan*, (Pulau Pinang: A.M.K.S., tt), hlm. 1-2.

berkisar kepada kewajipan dan peranan wanita Melayu sebagai isteri dan ibu terhadap rumah tangga serta keperluan wanita dalam menghadapi dunia moden tetapi tidak mengabaikan ajaran agama. Apa yang dapat disimpulkan ialah penerbitan majalah ini merupakan satu percubaan yang cukup berani pada waktu itu kerana tidak ramai guru-guru Melayu yang berupaya menghasilkan majalah panduan umum dalam pendidikan.³⁰ Penerbitan ini membuktikan bahawa pengalaman dalam latihan karang-mengarang di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri merupakan aset yang paling bernilai dan mula diperkembangkan dengan gigihnya oleh mereka untuk membela, memajukan kaum wanita serta menebus kemunduran masyarakat Islam di Tanah Melayu.

Bidang Keagamaan

Di samping menerajui bidang politik, pendidikan dan persuratan, Ustazah Khaironnisa juga tidak ketinggalan melibatkan diri secara aktif dalam bidang keagamaan. Sumbangan beliau kepada masyarakat dalam bidang keagamaan memang tidak dapat dinafikan apabila bekas pelajar perempuan Madrasah Al-Mashoor ini diterima sebagai tokoh agama yang dihormati lagi disenangi oleh masyarakat sekeliling. Hal ini dapat dilihat apabila dalam tempoh 1973 hingga 1999, Ustazah Khaironnisa diamanah mengendalikan kelas agama di Bahagian Perubatan dan Bahagian Pergigian di Hospital Besar Pulau Pinang. Beliau bertanggungjawab menyampaikan ceramah kepada pelajar-pelajar dan staf-staf hospital berkenaan dengan hal ehwal keagamaan.

Kemudian, pada Oktober 1977 Ustazah Khaironnisa menerima jemputan daripada Profesor Sharom Ahmat selaku Timbalan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia menerusi Mohd. Yusof bin Mohd. Tahir untuk mengendalikan kelas agama bagi kakitangan dan pelajar-pelajar wanita Islam di institusi ini bermula Oktober 1977 sehingga Jun 1978.³¹ Antara bahagian yang dibincangkan oleh beliau ialah Fekah yang merangkumi topik bersuci, bahagian ibadah, mua'malah, munakahah dan juga jenayah. Kelas ini bertujuan untuk menyampaikan ajaran dan didikan Islam serta dapat membentuk peribadi yang sebenar mengikut lunas-lunas Al-Quran dan Hadis. Mengenai perkara ini, Ustazah Khaironnisa berkongsi cerita berikut;

“Sekadar yang saya ada saya tak simpan untuk saya semata-mata ataupun saya bendung di satu tempat yang kata itu sebagai pusaka dah pun saya hamburkan [sebarka] kepada jenis saya sendiri di mana saya berharap dengan pertolongan Allah, Tuhan bagi berkat menjadikan amalan depa [mereka] sedikit sebanyak sekadar yang boleh kerana saya ingin tengok kaum wanita kita berjuang, sanggup berkorban bukanlah pegang senjata tetapi semangat untuk membuat kebajikan

³⁰ Badriyah Haji Salleh, “Ustazah Khaironnisa Mohd Ali”, hlm. 85.

³¹ Surat dari Universiti Sains Malaysia kepada Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali yang bertarikh 21 Oktober 1977; Nota kiriman wang dari Pejabat Bendahari Universiti Sains Malaysia kepada Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali, No. baucer 18271012, No. cek 072707, 29 Disember 1977; Nota kiriman wang dari Pejabat Bendahari Universiti Sains Malaysia kepada Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali, No. baucer 326007, No. cek 088136, 3 Julai 1978.

tak payah pegang senjata demi untuk kebaikan agama, bangsa dan negara”.

Tindakan beliau ini seolah-olah meneruskan tradisi yang diasaskan oleh Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri yang bertujuan mengembangkan pemikiran dan memberi ilmu pengetahuan terhadap kaum wanita. Melalui proses ini secara tidak langsung status dan kebolehan wanita dapat dimajukan.

Seterusnya beliau dijemput oleh Ustaz Usman Abdullah, Ketua Pengarah Tabung Haji Pulau Pinang untuk menjadi guru agama di Jabatan Tabung Haji. Beliau bertanggungjawab menyampaikan ceramah bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman yang mendalam mengenai ibadat haji dan umrah. Tugas beliau ini memerlukan daya ketahanan dan semangat yang kuat terutamanya semasa menyelia seramai empat ribu orang jemaah haji wanita di Makkah pada tahun 1990. Menurut Ustazah Khaironnisa, beliau dikehendaki melakukan pelbagai jenis tugas termasuklah urusan pejabat dan memantau pesakit-pesakit jemaah haji di bawah seliannya.

Sehingga kini Ustazah Khaironnisa masih lagi bergiat cergas dalam kelas keagamaan. Misalnya beliau masih mengendalikan kelas agama di rumah dan beberapa buah tempat di Pulau Pinang. Antaranya di Masjid Tuan Guru, Tanjung Tokong dan Masjid Shaikh Eusoff di Air Itam. Mengulas tentang penglibatannya pada usia emas ini menurut beliau;

“Selagi nadi saya berguit [berdenyut], nafas saya bergerak, berjalan, saya buat ikut keadaan ikut kemampuan”.³²

Jelas menunjukkan agen utama yang menjadi pendorong beliau untuk terlibat dalam kegiatan keagamaan ini ialah silibus pembelajaran yang dijalankan di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri sewaktu menuntut di sana. Idea pembaharuan yang diterapkan oleh tokoh-tokoh reformis banyak memberi manfaat kepada mereka terutamanya dari sudut pembentukan pemikiran sehingga beliau sanggup mengorbankan masa dan tenaga menyalurkan ilmu kepada masyarakat setempat.

Bidang Kesukarelawan

Ustazah Khaironnisa yang sarat dengan pengalaman mengendalikan urusan pentadbiran kelab dan persatuan semasa menuntut di Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri turut tidak ketinggalan bergiat cergas dalam beberapa pertubuhan kesukarelawan seperti Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS),³³ Jawatankuasa Bahagian Agama

³²Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian III), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan),2 Disember 2015.

³³Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung(GPMS) telah digerakkan oleh lima orang mahasiswa dari Raffles College dan Kolej Perubatan King Edward di Singapura, iaitu Abdul Wahab Ariff, Mohd. Nor Marahakim, Abdullah Majid, Hasnah Mohd. Ali dan Aminuddin Bakri selaku ketua. GPMS telah ditubuhkan atas dasar kebangsaan Melayu dan agama Islam yang lahir dari rasa sedar atas perlunya disatukan tenaga pelajar-pelajar Melayu di seluruh semenanjung Tanah Melayu. Gabungan pelajar ini merupakan sebuah persatuan pelajar

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)³⁴ dan Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG).

Sumbangan lain yang pernah diberikan oleh beliau kepada masyarakat Negeri Pulau Pinang ialah menyumbang tenaga ke arah pembangunan kebajikan wanita sehingga beliau pernah diberi kepercayaan menjadi Yang Dipertua Badan Kebajikan Wanita Islam Bayan Baru, Pulau Pinang dari tahun 1976 hingga 1981 dan Naib Pengurus Lembaga Kebajikan Wanita Islam Negeri Pulau Pinang dari tahun 1976 hingga 1980. Antara tahun 1979 hingga tahun 1981, Ustazah Khaironnisa dilantik menyandang jawatan Penasihat Persatuan Kebajikan Anggota-Anggota Islam Telekom Pulau Pinang. Sikap beliau yang sentiasa perihatin menyebabkan beliau begitu dikenali dalam pertubuhan-pertubuhan kebajikan sebagai individu yang sentiasa sedia menghulurkan bantuan tenaga dan buah fikiran.

Dalam pada itu, Ustazah Khaironnisa juga pernah menyandang jawatan sebagai ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang bermula pada 15 Disember 1982 hingga 1 Disember 1983 bagi peringkat pertama dan dilantik semula pada 15 Disember 1983 hingga 14 Disember 1984 bagi peringkat kedua.³⁵ Melalui penglibatan ini, beliau mewakili rombongan ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang ke Indonesia dalam Majlis Menandatangani Perjanjian *Sister City*³⁶ di antara Pulau Pinang dan Medan pada Oktober 1984.

Sebagai tanda penghargaan kepada pihak sekolah, Ustazah Khaironnisa masih lagi meneruskan hubungan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan Al-Mashoor walaupun telah lama bersara daripada perkhidmatannya. Hal ini dapat dilihat apabila Ustazah Khaironnisa menjadi tulang belakang kepada penubuhan Persatuan Bekas Pelajar Perempuan Al-Mashoor (P) pada tahun 2002 dan menyandang jawatan sebagai Yang Dipertua sehingga ke hari ini. Penubuhan persatuan ini bertujuan untuk menghimpunkan pelajar-pelajar lama supaya dapat berhubung rapat dengan pelajar-pelajar baru di samping memperkenalkan guru-guru lama dengan guru-guru baru. Walau bagaimanapun agenda tambahan semasa beliau menerajui persatuan ini ialah memberi penekanan kepada kebajikan pelajar terutama yang kurang berkemampuan dan memerlukan. Untuk tujuan ini sumbangan sebanyak RM 300 diberikan kepada pihak sekolah pada setiap tahun.³⁷ Selain itu Ustazah

kebangsaan yang pertama ditubuhkan di negara ini dan segala perjuangannya sebelum kemerdekaan merupakan sebahagian daripada gerakan nasionalisme negara ini.

³⁴ Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) telah ditubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman pada 19 Jun 1960. Penubuhan PERKIM telah dirancang oleh Tunku bersama-sama tokoh pengasas PERKIM iaitu Tan Sri Senator S.O.K Ubaidullah, Tan Sri Haji Mohd. Yusuf Ibrahim, Ustaz Nik Mohanad Mohyidin Musa, Tuan Haji Ibrahim Ma dan Tan Sri Mubin Sheppard semenjak Persekutuan Tanah Melayu merdeka. Tujuan utama penubuhan PERKIM ialah untuk menyebarluaskan agama Islam dan mengadakan kerja-kerja amal kebajikan sosial kepada rakyat tanpa mengira bangsa atau keturunan di samping untuk mewujudkan satu penyatuan berbilang kaum di bawah prinsip-prinsip pengajaran agama Islam.

³⁵ *Catatan Ringkas Biodata Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali*, (Ihsan Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali).

³⁶ Perjanjian *Sister City* ini merupakan satu persefakatan antara dua buah bandar berlainan negara yang bertujuan untuk mewujudkan kerjasama sama ada dari aspek ekonomi, politik maupun sosial dalam keadaan saling menguntungkan antara satu sama lain.

³⁷ Tayangan video berjudul *Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajah Khaironnisa binti Mohd Ali* (Bahagian III), (Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), 2 Disember 2015.

Khaironnisa juga pernah menjadi Timbalan Pengerusi Jemaah Pengurus SMKA (P) Al-Mashoor pada tahun 2003.

Berdasarkan penglibatan ini Ustazah Khaironnisa menegaskan inspirasi untuk terlibat dalam pelbagai pertubuhan datangnya daripada tempat beliau menerima pendidikan awal iaitu Madrasah Al-Mashoor. Pendidikan di madrasah ini banyak membentuk jiwa, pemikiran, sikap dan pendirian beliau terutamanya ketika beliau aktif berpersatuan, di mana daya kepimpinan mula dibentuk sebagaimana diakui oleh beliau;

“Dari pada hanya seorang budak kecil yang seronok untuk mencari ilmu pengetahuan, sekolah ini sebenarnya memberi pulangan yang lebih daripada itu kepada saya. Sekolah ini telah menanamkan dalam diri saya satu semangat perjuangan yang kental untuk menegakkan agama, bangsa dan negara”.³⁸

Terbukti bahawa asas kurikulum Madrasah Al-Mashoor Bahagian Puteri yang disediakan bukan hanya telah membuka ruang bagi wanita untuk keluar bergiat di dalam masyarakat tetapi sebagai persediaan menghadapi alaf yang lebih global.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ini dapat disimpulkan bahawa Ustazah Khaironnisa sentiasa berjuang tanpa jemu untuk melihat anak bangsanya bukan sahaja bebas dari taklukan penjajah tetapi belenggu pemikiran yang menyekat kemajuan. Kesemua niat murni ini ditonjolkan dalam setiap detik perjuangannya. Di atas jasa dan sumbangan, kegigihan serta dedikasinya, beliau telah dianugerahkan beberapa anugerah penghormatan.

Pada tahun 1977, Ustazah Khaironnisa dianugerahi Pingat Jasa Masyarakat. Beliau kemudiannya telah dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada tahun 1981. Ustazah Khaironnisa juga turut dianugerahi Pingat Ahli Mangku Negara oleh D.Y.M.M Yang Dipertuan Agung Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam Shah pada 1982. Berikutan penglibatan Ustazah Khaironnisa menyampaikan ucapan melahirkan perasaan menentang penubuhan *Malayan Union* dalam perhimpunan yang diadakan di Padang Francis Light pada tahun 1946, beliau telah dianugerahkan sijil penghargaan oleh YB Dato’ Sanusi Junid, Pengerusi Majlis Perayaan Hari Kebangsaan Tahun 1983.³⁹ Selain daripada itu, beliau juga pernah dianugerahkan dengan Anugerah Tokoh Maal Hijrah dari Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Pulau Pinang dan Anugerah Tokoh Agama oleh Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) pada tahun 1999 kerana sumbangannya sebagai pendakwah dan pendidik.⁴⁰ Seterusnya beliau juga turut dianugerah Pingat Darjah Johan Negeri pada tahun 2001 dan Pingat Darjah Setia Pangkuhan Negeri pada 2006 oleh

³⁸Mahani Musa, “Dato’ Hajjah Khaironnisa’ Bt Mohd Ali” dalam Mahani Musa (peny.), *Memori 100 Tahun Sekolah Al-Mashoor*, (Pulau Pinang: Jam’iyah Al-Ikha’ Al-Khairiyah, 1 Oktober 2016), hlm. 104.

³⁹Buku Aturcara Majlis Perayaan Hari Kebangsaan Tahun 1983: 27 Ogos 1983-31 Ogos 1983, hlm. 16.

⁴⁰www.pemenang.org.my, 10 Mac 2015, diakses pada 10.30 pagi.

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (DR.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas.⁴¹

Anugerah-anugerah ini adalah sebagai penghargaan di atas jasa dan sumbangan beliau di arena politik tanah air dan aktiviti kebajikan dalam kalangan masyarakat. Kepimpinan beliau amat terserlah dan beliau banyak menabur budi dalam membantu masyarakat khasnya di negeri Pulau Pinang. Sumbangan beliau kepada masyarakat Pulau Pinang terutamanya ke arah pembangunan kebajikan wanita masih diteruskan sehingga sekarang walaupun dalam usianya sudah mencecah 84 tahun.

Rujukan

Koleksi Simpanan Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali

Buku Aturcara Majlis Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Hari Jadi Yang ke-68 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (DR.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas. 2006.

Buku Aturcara Majlis Perayaan Hari Kebangsaan Tahun 1983. 27 Ogos 1983-31 Ogos 1983.

Catatan Ringkas Biodata Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali.

Majalah Hiboran. Bil. 316. 5 September 1953.

MUSBAHA & Rusni. *Majalah Cahaya Pendidikan*. Pulau Pinang: AMKS, tt.

Nota kiriman wang dari Pejabat Bendahari Universiti Sains Malaysia kepada Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali, No. baucer 18271012, No. cek 072707, 29 Disember 1977.

Nota kiriman wang dari Pejabat Bendahari Universiti Sains Malaysia kepada Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali, No. baucer 326007, No. cek 088136, 3 Julai 1978.

Surat dari Universiti Sains Malaysia kepada Ustazah Khaironnisa binti Mohd Ali yang bertarikh 21 Oktober 1977.

Artikel dan Buku

Ahmed Meah Baba Ahmad. 1992. *Penaklukan Jepun: Suka Duka di Georgetown*. Kuala Lumpur: Media Indah Sdn. Bhd.

⁴¹ Buku Aturcara Majlis Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang 2006 sempena Hari Jadi Yang ke-68 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (DR.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, hlm. 24.

Badriyah Haji Salleh. 1997. "Ustazah Khaironnisa Mohd Ali". Dalam Badriyah Haji Salleh Mash' (peny.). *Perkembangan Pengaruh Islam Di Pulau Pinang*, Jil. 3. Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam, 72-87.

Dancz, Virginia H. 1987. *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.

Hajar Abdul Rahim. 2010. "Peranan Wanita Jawi Peranakan dalam Pembangunan Masyarakat Satu Tinjauan". Dalam Omar Yusoff dan Jamaluddin Aziz (peny.). *Jawi Peranakan di Pulau Pinang Ekspresi Sebuah Identiti*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 104-114.

Mahani Musa. 1 Oktober 2016. "Dato' Hajjah Khaironnisa' Bt Mohd Ali". Dalam Mahani Musa (peny.). *Memori 100 Tahun Sekolah Al-Mashoor*. Pulau Pinang: Jam'iyyah Al-Ikha' Al-Khairiyah, 104-113.

Manderson, Lenore. 1978. "The Development of Female Education in Peninsular Malaysia". *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 51 (2), 100-122.

Rosnah Baharudin. 2003. *Wacana Wanita Melayu dan Sastera*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akhbar

Berita Harian, 22 September 1960.

Video dan Temubual

Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Tokoh Pulau Pinang: Temubual Dato' Khaironnisa binti Mohd Ali. Universiti Sains Malaysia: Bahagian Malaysiana dan Arkib, Perpustakaan Hamzah Sendut. 19 Disember 2008.

Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali (Bahagian I). Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. 24 Februari 2014.

Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali (Bahagian II). Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. 17 Mac 2014.

Projek Dokumentasi Sejarah Lisan Sekolah Al-Mashoor 1940-1980-an: Temubual Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali (Bahagian III). Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. 2 Disember 2015.

Internet

www.pemenang.org.my. 10 Mac 2015. Diakses pada 10.30 pagi.